

Modul 4

REKA BENTUK DALAMAN

Pembelajaran modul 4 ini, murid akan mempelajari maksud dan tujuan reka bentuk serta dapat mengaplikasikannya dalam pembangunan produk hiasan dalaman.

Selain itu, murid akan didedahkan dengan keperluan faktor reka bentuk serta dapat menerangkan, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan menghasilkan carta alir proses reka bentuk bagi model ruang dalaman.

Standard Kandungan

4.0 Pengenalan

4.1 Faktor Reka Bentuk

4.2 Reka Bentuk Dalaman

KATA KUNCI

- Estetika
- Ergonomik
- Taklimat (*brief*)
- Primitif
- Idealisasi

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Menjelaskan definisi reka bentuk dan proses reka bentuk.
2. Menerangkan carta alir proses reka bentuk.
3. Menghasilkan carta alir proses reka bentuk berdasarkan fungsi setiap proses mengikut urutan yang betul berdasarkan keperluan projek.
4. Menganalisis reka bentuk hiasan dalaman berpandukan carta alir secara bersistematik berdasarkan keperluan projek secara bersistematik.
5. Mencadangkan model reka bentuk ruang dalaman berdasarkan keperluan projek mengikut prosedur yang bersistematik dan sentiasa bersikap positif.
6. Menghasilkan model reka bentuk ruang dalaman berdasarkan keperluan projek secara kreatif, inovatif, bersistematik, rasional dan boleh diteladani.

4.1 FAKTOR REKA BENTUK

4.1.1 Definisi Reka Bentuk

Reka bentuk didefinisikan sebagai proses menghasilkan sesuatu ciptaan yang baharu atau memperbaharui yang lama menjadi rekaan yang kreatif dan inovatif. Penghasilan sesebuah reka bentuk, pereka mestilah menitikberatkan dari segi aspek keselamatan kepada pengguna.

Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 4.1.1 Menyatakan maksud reka bentuk.
- 4.1.2 Menjelaskan tujuan reka bentuk.
- 4.1.3 Mengaplikasi elemen reka bentuk dalam pembangunan produk hiasan dalaman.
- 4.1.4 Menentukan keutamaan faktor reka bentuk.
 - i) Manusia
 - ii) Fungsi
 - iii) Keselamatan
 - iv) Estetika
 - v) Bahan
 - vi) Ergonomik
 - vii) Kos

TAHUN 1900



TAHUN 1990



TAHUN 2020



Rajah 4.1 Contoh reka bentuk




4.1.2 Tujuan Reka Bentuk



Rajah 4.2 Tujuan reka bentuk

4.1.3 Mengaplikasi Elemen Reka Bentuk dalam Pembangunan Produk Hiasan Dalam

Sebelum memulakan sesebuah reka bentuk, perunding hiasan dalaman perlu mengetahui beberapa elemen reka bentuk dalam pembangunan produk hiasan dalaman. Rajah di bawah merupakan beberapa elemen reka bentuk diterapkan dalam penghasilan reka bentuk.



Rajah 4.3 Elemen reka bentuk

1 RUANG

- Ruang dalaman merupakan faktor paling penting bagi mewujudkan suasana yang selesa dan sempurna.
- Ruang yang kecil akan kelihatan selesa apabila disusun mengikut kaedah yang betul dan menggunakan warna yang cerah serta peredaran udara yang sesuai.
- Penentuan ruang juga bergantung kepada keperluan individu melalui pemilihan jenis perabot dan hiasan yang sesuai. Contohnya:
 - Dinding berwarna cerah akan memberikan gambaran keadaan bilik yang luas.
 - Dinding berwarna gelap akan menjadikan bilik kelihatan sempit dan kecil.
 - Saiz perabot dan barangan hiasan juga perlu bersesuaian dengan saiz bilik bagi mewujudkan keselesaan.



Gambar foto 4.1 Ruang tamu yang kecil

2 PEREDARAN UDARA

- Pergerakan arah angin dan udara yang baik akan menjadikan suasana dalam ruang lebih selesa dan penghuni yang mendiaminya berasa sihat dan segar.
- Kipas atau penyaman udara perlu dipasang sekiranya peredaran udara kurang memuaskan.
- Pemilihan saiz tingkap, susunan perabot, kedudukan pintu dan kekisi juga penting supaya peredaran udara keluar masuk berjalan dengan lancar.



Rajah 4.4 Peredaran udara





Gambar foto 4.2 Pencahayaan semula jadi

3 PENCAHAYAAN

Pencahayaan merupakan elemen yang penting dalam reka bentuk. Pencahayaan semula jadi yang baik dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik. Pencahayaan juga mampu untuk memberi kesan visual yang menarik bagi sesebuah ruang. Penggunaan pencahayaan tiruan mampu menambah baik dan memberikan kesan visual yang lebih menarik.



Gambar foto 4.3 Pencahayaan daripada lampu

4 SAIZ PERABOT

Susun atur dan saiz perabot dapat mempengaruhi keluasan sesuatu ruang. Perabot yang bersaiz terlalu besar tidak sesuai untuk bilik yang kecil dan perabot bersaiz kecil tidak sesuai berada di ruang yang besar. Pemilihan jenis dan warna perabot juga penting dalam menentukan tema sesuatu ruang.



5 WARNA

- Warna boleh membentuk suasana ruang bilik menjadi harmoni sekiranya dicat dengan warna harmoni.
- Suasana bilik akan menjadi terang apabila dicat dengan warna-warna panas seperti merah, jingga, ungu dan kuning.
- Ruang bilik lebih selesa apabila menggunakan warna lembut dan warna sejuk seperti biru laut, hijau kebiruan, hijau muda, merah jambu.
- Warna boleh meninggikan atau merendahkan siling pada pandangan mata.

INFO

Warna Panas

Terdiri daripada kumpulan warna merah, jingga, kuning, merah jingga, merah ungu, dan kuning jingga.

Warna Sejuk

Merupakan kumpulan warna-warna biru, hijau, ungu, biru ungu dan biru hijau.

6 TEKSTUR

- Tekstur merujuk kepada kualiti permukaan dalam karya seni.
- Tekstur dikaitkan dengan rupa bentuk yang kasar, licin, berbulu, berkilat dan sebagainya.
- Tekstur juga boleh dirasai melalui sentuhan.



Gambar foto 4.4 Tekstur pada dinding

7 BENTUK

- Bentuk mempunyai tiga dimensi, iaitu panjang, lebar dan kedalaman.
- Bentuk diwujudkan dengan menggabungkan dua atau lebih bentuk dengan bantuan unsur-unsur lain seperti tekstur, corak dan warna.
- Satu bentuk yang jelas menentukan keharmonian dan keseimbangan di dalam ruang.



Gambar foto 4.5 Bentuk kerusi yang unik

4.1.4 Menentukan Keutamaan Faktor Reka Bentuk

Reka bentuk berperanan menjadikan kehidupan dan persekitaran menjadi lebih menarik. Dalam menghasilkan sesuatu reka bentuk terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan, iaitu fungsi rupa bentuk, kesesuaian bahan, kaedah pembuatan atau pembinaan, ketahanan, kos, kemasan dan keselamatan produk yang dihasilkan.

1 MANUSIA

- Reka bentuk yang baik menjadikan kehidupan manusia lebih mudah dan selesa.

2 FUNGSI

- Fungsi ruang dan perabot yang bersesuaian dengan keperluan dan tema sesuatu reka bentuk.
- Mampu memberikan keselesaan kepada pengguna.

3 KESELAMATAN

- Keselamatan reka bentuk hiasan dalaman bertujuan supaya selamat diguna pakai oleh pelanggan, tidak mendatangkan kecederaan dan memberikan keselesaan kepada pengguna. Contohnya, pemilihan kemasan lantai yang licin di dalam ruang dapur.

4 ESTETIKA

- Reka bentuk hiasan dalaman yang dihasilkan adalah mengikut cita rasa individu ataupun pengguna.
- Tujuannya untuk kelihatan cantik, menarik dan memberikan keselesaan kepada pengguna.

5 BAHAN

- Bahan yang digunakan dalam reka bentuk memberikan impak keselesaan kepada pengguna. Contohnya, penggunaan bahan yang berkualiti menggambarkan personaliti pengguna dan ruang dalaman akan kelihatan mewah. Manakala bahan yang lebih murah akan memberikan kesan yang sederhana kepada pengguna.

6 ERGONOMIK

Ergonomik adalah kesesuaian reka bentuk dan ruang kepada pengguna meliputi:

- Kesesuaian perabot.
- Saiz manusia dalam reka bentuk sesuatu ruang.

7 KOS

- Kos reka bentuk bergantung kepada penggunaan bahan dan reka bentuk yang dipilih.
- Lebih mahal dan berkualiti bahan yang diguna pakai lebih tinggi nilai dan kos yang perlu digunakan. Contohnya, penggunaan plaster siling dan siling biasa di dalam ruang dalaman.



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

- Yang manakah adalah elemen dalam reka bentuk?
 - A Rupa
 - B Titik
 - C Bentuk
 - D Garisan
- Yang manakah memberikan impak sentuhan dalam sesuatu reka bentuk?
 - A Estetika
 - B Tekstur
 - C Saiz perabot
 - D Keselamatan
- Siling akan kelihatan tinggi dan rendah dari pandangan mata.

Elemen reka bentuk di bawah yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

- A Titik
- B Warna
- C Bentuk
- D Garisan

BAHAGIAN B

1. Isikan tempat kosong dalam jadual di bawah.


Bil.	Fungsi Reka bentuk	Keterangan
i	Manusia	(a) _____
ii	(b) _____	Fungsi bagi sesuatu reka bentuk sangat penting kerana ia memberikan impak kepada pengguna dari segi kegunaan dan keselesaan hasil daripada reka bentuk tersebut.
iii	Keselamatan	(c) _____
iv	Estetika	(d) _____
v	(e) _____	Bahan yang digunakan di dalam reka bentuk memberikan impak kepada keselesaan pengguna. Contohnya, penggunaan bahan yang berkualiti menggambarkan personaliti pengguna dan ruang dalaman akan kelihatan mewah.
vi	(f) _____	Ergonomik adalah kesesuaian reka bentuk dan ruang kepada pengguna. Ianya meliputi kesesuaian perabot dan saiz manusia dalam reka bentuk sesuatu ruang.
vii	Kos	(g) _____

2. Encik Razali ingin mengubah suai ruang tamunya berkonsepkan Moden. Bincangkan penggunaan warna yang sesuai pada ruang tamu beliau.



TUGASAN

Berdasarkan gambar ruang yang diberikan, murid-murid dikehendaki mewarnakan gambar ruang tersebut mengikut skema warna yang telah dipelajari. Murid juga boleh mengaplikasikan warna panas, warna sejuk dan warna monokromatik dalam ruang tersebut.



4.2

REKA BENTUK DALAMAN

Reka bentuk dalaman merupakan perancangan ruang dalaman agar lebih selesa, harmoni dan sesuai dengan cita rasa pengguna. Secara tidak langsung kemahiran mengolah ruang berdasarkan pengetahuan seni visual, menyesuaikan perabot, warna, barang hiasan, peredaran udara dan pencahayaan supaya lebih menarik dan selesa.

Dalam menghasilkan reka bentuk yang baik, proses mereka bentuk perlu dititikberatkan. Tujuan utama penghasilan carta alir proses reka bentuk ini adalah untuk membuat perancangan awal dan teliti melibatkan semua proses mereka bentuk.

4.2.1 Menerangkan Carta Alir Proses Reka Bentuk

Reka bentuk berperanan menjadikan kehidupan dan persekitaran menjadi lebih menarik. Dalam menghasilkan sesuatu reka bentuk terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan, iaitu fungsi rupa bentuk, kesesuaian bahan, kaedah pembuatan atau pembinaan, ketahanan, kos, kemasan dan keselamatan produk yang dihasilkan.

Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 4.2.1 Menerangkan carta alir proses reka bentuk.
- 4.2.2 Menghasilkan carta alir proses reka bentuk berdasarkan fungsi setiap proses mengikut urutan yang betul berdasarkan:
 - i) Situasi dan masalah.
 - ii) Taklimat reka bentuk (*brief*).
 - iii) Sumbangsaan dan pengumpulan maklumat.
 - iv) Lakaran idea awal.
 - v) Pengembangan idea.
 - vi) Idea penyelesaian dan perincian melalui lukisan persembahan.
 - vii) Model reka bentuk dalaman.
 - viii) Pendokumentasian.
- 4.2.3 Menganalisis reka bentuk dalaman berdasarkan carta alir.
- 4.2.4 Mencadangkan model reka bentuk ruang dalaman.
- 4.2.5 Menghasilkan model reka bentuk ruang dalaman.

1

Perundingan pelanggan

- Kenal pasti keperluan dan objektif pelanggan semasa perundingan.
- Soal mengenai fungsi tertentu ruang, perabot dan keperluan peralatan akan dibincangkan.
- Butiran terperinci lawatan tapak diambil setelah rundingan dijalankan.

2

Reka bentuk skematik

- Dalam fasa reka bentuk skematik, perancangan ruang dan reka bentuk perabot dibangunkan.
- Organisasi ruang dan penentuan ruang dipertimbangkan dan digunakan untuk pelan lantai.
- Lakaran kasar dihasilkan.
- Susunan perabot dan idea-idea dikembangkan dan kemudian diserahkan kepada pelanggan untuk semakan.

3

Proses reka bentuk

- Selepas kelulusan akhir reka bentuk skematik, pereka bentuk merealisasikan reka bentuk melalui lukisan pelan lantai, pandangan sisi, lukisan perspektif dan perkara lain yang berkaitan dengan lebih terperinci.
- Warna dan kemasan akan dipilih mengikut anggaran kos disediakan.
- Reka bentuk yang dihasilkan dibentangkan kepada pelanggan untuk semakan akhir.

4

Dokumen pembinaan

- Butiran spesifik kerja yang akan dilaksanakan, didokumenkan seperti pemilihan kemasan lantai, cat, pelan siling, lokasi paip dan susun atur elektrik yang berkaitan dengan keseluruhan skop kerja yang akan disiapkan.

5

Pembinaan dijalankan di tapak bina

- Ini adalah peringkat terakhir dalam proses pembinaan dijalankan.
- Pereka bentuk berada di tapak bina semasa proses pembinaan berjalan bagi memastikan semua perkara berjalan dalam keadaan baik, dipasang dengan betul, mengikut lukisan dan spesifikasi yang diberikan.

4.2.2 Carta Alir Proses Reka Bentuk



Rajah 4.5 Carta alir proses reka bentuk

4.2.3 Menganalisis Reka Bentuk Dalaman Berdasarkan Carta Alir

Reka bentuk dalaman ialah proses mereka bentuk ruang dalaman, melalui manipulasi ruang serta permukaan. Reka bentuk hiasan dalaman menjurus kepada aspek psikologi, seni bina, dan reka bentuk alam sekitar selain aksesori hiasan.

Reka bentuk hiasan dalaman ialah amalan kreatif yang menganalisis maklumat program, mewujudkan arah konseptual, memperbaiki arah reka bentuk, dan menghasilkan komunikasi grafik dan dokumen pembinaan.

1 Mengenal pasti masalah

Mengenal pasti masalah dan kehendak pelanggan dengan merujuk kepada keadaan, saiz, kedudukan dan fungsi ruang perlu diambil kira sebelum sesuatu reka bentuk dibuat. Jadual di bawah merupakan contoh untuk mengenal pasti masalah pelanggan.

Masalah


1. Ruang tamu berkeluasan 10' x 10'.
2. Peruntukan rendah.

Penyataan masalah

1. Penghuni di dalam rumah adalah seramai lima orang.
2. Perabot bersaiz besar dan banyak.

Penyelesaian masalah

Penggunaan perabot yang minimum dan ruang tampak lebih luas.



2 Taklimat reka bentuk (brief)

Setelah masalah dan kehendak telah dikenal pasti, taklimat reka bentuk akan dibuat bagi mencadangkan konsep dan imej yang dipilih.

3 Sumbang saran dan pengumpulan maklumat

Sumbang saran dan pengumpulan maklumat boleh diambil daripada pelbagai sumber seperti:


- i. Internet.
- ii. Majalah.
- iii. Buku rujukan.
- iv. Lawatan ke pameran reka dalaman.
- v. Bimbingan guru.



4 Lakaran idea awal

Lakaran awal melibatkan penentuan konsep dan imej akan ditetapkan setelah pengumpulan maklumat dan kajian secara terperinci dilaksanakan.


Rajah 4.6 Lakaran idea awal untuk membuat pilihan



5 Pengembangan idea

Pengembangan idea adalah penjelasan daripada penghasilan lakaran idea awal kepada lukisan perspektif, mood board dan papan sampel setelah membuat pemilihan daripada Rajah 4.6.

Rajah 4.7 Lakaran perspektif



MODUL 4



Rajah 4.8 Mood board



Rajah 4.9 Papan sampel

6 Idea penyelesaian dan perincian melalui lukisan terperinci

Di peringkat ini, reka bentuk yang terbaik dipilih. Reka bentuk yang dipilih hendaklah bersesuaian dengan masalah dan kehendak pelanggan. Contohnya, medium yang digunakan untuk menyampaikan idea yang dipilih kepada pelanggan.




Rajah 4.10 Contoh lukisan kasar dalam proses reka bentuk

a) **Lukisan Kasar** merupakan lukisan tiga dimensi yang dilukis secara kasar tanpa ukuran bagi menggambarkan reka bentuk dan konsep yang dipilih.

FINISH OPTIONS



M O D E R N C O N C E P T
 Modern is a broad design term that typically refers to a home with clean, crisp lines, a simple colour palette and the use of material that can include metal, glass and steel. Modern design employs a sense of simplicity in every element, including furniture. A word that's commonly used to describe modern style is sleek, and there is not a lot of clutter or accessories involved with a modern style.



FURNITURE OPSTION



presentation board
MODERN CONCEPT

Rajah 4.11 Contoh lukisan persembahan dalam proses mereka bentuk

b) **Lukisan persembahan** merangkumi pelan lantai, pandangan sisi, dan sudut perspektif. Lukisan persembahan bertujuan untuk dipersembahkan kepada pelanggan bagi menunjukkan cadangan yang dibuat dalam mereka bentuk sesuatu ruang.



7 Model reka bentuk ruang dalaman

Model reka bentuk dalaman digunakan bagi memberikan pandangan lebih jelas kepada pengguna berkaitan ruang bagi sesuatu kediaman. Melalui model, pelanggan lebih peka terhadap keluasan ruang tersebut. Model reka bentuk menggunakan skala kecil tetapi mewakili keluasan sebenar. Setelah pelanggan bersetuju dengan penghasilan lukisan persembahan, pereka bentuk dalaman akan menghasilkan model yang berskala kecil.

Gambar foto 4.6 Contoh gambar model reka bentuk

8 Pendokumentasian

Pendokumentasian ialah proses penyediaan satu reka bentuk hiasan dalaman dari awal hingga akhir.

- 1 Permasalahan projek (*brief*)
- 2 Kerangka kerja
- 3 Pengumpulan maklumat
- 4 Lakaran perkembangan idea
- 5 Lakaran dan visual akhir
- 6 Rujukan dan sumber maklumat
- 7 Gambar model yang telah siap (diambil dari pelbagai sudut)

4.2.4 Mencadangkan Model Reka Bentuk Ruang Dalam

Memilih dan mencadangkan satu reka bentuk akhir kepada pelanggan setelah menganalisis permasalahan dan keperluan pelanggan. Model yang dicadangkan hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- Menggunakan bahan yang sesuai.
- Binaan kukuh dan ukuran yang tepat.
- Bahagian atas model tidak ditutup dengan sebarang objek.
- Tapak model adalah berukuran 360mm x 360mm.
- Penggunaan warna yang sesuai.
- Pemilihan perabot.
- Pemilihan aksesori dan kemasan ruang.

4.2.5 Menghasilkan Model Reka Bentuk Ruang Dalam

Penghasilan model merupakan proses untuk menggambarkan keadaan sebenar sesebuah reka bentuk yang bertujuan untuk memastikan reka bentuk yang telah dipilih dapat menyelesaikan permasalahan dan memenuhi kehendak pelanggan.

Langkah-langkah penghasilan model reka bentuk ruang dalam adalah seperti di bawah:



◀ LANGKAH 1

Persediaan bahan dalam pembuatan model.

LANGKAH 2 ▶

Menyediakan tapak model berdasarkan pelan yang diberi.



LANGKAH 3

Menentukan skala pada model yang akan dibina.




LANGKAH 4

Mendirikan dinding model mengikut ruang-ruang yang telah dibahagi termasuk kedudukan pintu dan tingkap mengikut skala.



A



◀ LANGKAH 5

Melengkapkan model dengan perabot yang berskala dan kemas berdasarkan konsep yang dipilih.

B





Gambar foto 4.7 Hasil model reka bentuk ruang dalaman

Rumusan

REKA BENTUK DALAMAN

Maksud reka bentuk dalaman

- Reka bentuk ialah pengetahuan dan penghasilan sesuatu benda hasil daripada pemerhatian di sekeliling dan diolah menjadi satu rekaan yang berfungsi, mempunyai bentuk dan selamat digunakan.

Proses reka bentuk dalaman

- Situasi dan masalah
- ↓
- Taklimat reka bentuk (*brief*)
- ↓
- Sumbang saran dan pengumpulan maklumat
- ↓
- Lakaran idea awal
- ↓
- Pengembangan idea
- ↓
- Idea penyelesaian dan perincian melalui lukisan persembahan
- ↓
- Model reka bentuk dalaman
- ↓
- Pendokumentasian



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

1. Pernyataan di bawah, yang manakah paling tepat bagi menyatakan tujuan reka bentuk?
 - A Penyelesaian masalah di dalam ruang.
 - B Penambahbaikan dari segi fungsi dan reka bentuk.
 - C Menghasilkan reka bentuk yang kreatif dan praktikal.
 - D Memberikan kepuasan kepada pelanggan.
2. Apakah sumber yang boleh kita peroleh untuk mendapatkan idea reka bentuk ruang dalaman selain daripada internet?
 - A Komik
 - B Majalah
 - C Tanya jiran
 - D Buku cerita
3. Mengapakah lukisan persembahan perlu dipersembahkan kepada pelanggan?
 - A Mengenal pasti masalah pelanggan.
 - B Menggambarkan konsep dan reka bentuk yang dipilih.
 - C Menentukan konsep ruang kediaman.
 - D Mempersembahkan cadangan reka bentuk ruang dalaman kepada pelanggan.
4. Yang manakah bukan carta alir proses reka bentuk?
 - A Idea penyelesaian
 - B Konsep dan reka bentuk
 - C Pengembangan idea
 - D Lakaran idea awal

BAHAGIAN B

1. Apakah yang anda perlu lakukan sebelum memberi *brief* kepada pelanggan?

2. Senaraikan lapan carta alir proses reka bentuk mengikut urutan.
 - i _____
 - ii _____
 - iii _____
 - iv _____
 - v _____
 - vi _____
 - vii _____
 - viii _____
3. Jelaskan perbezaan antara lakaran idea awal dengan pengembangan idea.

4. Nyatakan dua sebab, mengapakah anda perlu mengenal pasti masalah dahulu sebelum membuat lakaran idea awal?



TUGASAN

Hasilkan pendokumentasian buku skrap reka bentuk ruang dalaman. Kemudian, cipta model reka bentuk ruang dalaman dan pameran hasil model reka bentuk anda di hadapan kelas.

BORANG PENILAIAN KOMPETENSI

Nama Murid : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Nama Sekolah : _____
 Tingkatan : _____ Angka Giliran: _____
 No. Modul : **MODUL 4**
 Tajuk : **REKA BENTUK DALAMAN**

Bil.	Pencapaian Kompetensi	Pertama		Ulangan		Catatan
		Kompeten	Tidak Kompeten	Kompeten	Tidak Kompeten	
1.	Menjelaskan definisi reka bentuk dan proses reka bentuk.					
2.	Menerangkan carta alir proses reka bentuk.					
3.	Menghasilkan carta alir proses reka bentuk berdasarkan fungsi setiap proses mengikut urutan yang betul berdasarkan keperluan projek.					
4.	Menganalisis reka bentuk hiasan dalaman berpandukan carta alir secara bersistematik berdasarkan keperluan projek secara bersistematik.					
5.	Mencadangkan model reka bentuk ruang dalaman berdasarkan keperluan projek mengikut prosedur yang bersistematik dan sentiasa bersikap positif.					
6.	Menghasilkan model reka bentuk ruang dalaman berdasarkan keperluan projek secara kreatif, inovatif, bersistematik, rasional dan boleh diteladani.					

Keputusan Penilaian	Kompeten	Tidak Kompeten

Nama Guru		Tandatangan		Tarikh	
Nama Murid		Tandatangan		Tarikh	